

# ‘Kami ibarat menumpang di tanah sendiri’

**Gua Musang:** Ibarat menumpang di tanah sendiri, itu yang dirasai lebih 4,000 penduduk Orang Asli suku kaum Temiar yang mendiami Pos Brooke dan Tanah Tinggi Lojing di sini, apabila penempatan mereka kini semakin terhimpit, susulan pembukaan tanah dan kebun sayur.

Penduduk daripada 18 kampung Orang Asli di situ, berharap pihak berwajib dapat meluluskan permohonan pewartaan Pembangunan Sosioekonomi Komuniti (PSK) dan menggazetkan tanah Orang Asli di kawasan berkenaan.

Penghulu Kampung Jedip, Nasir Busu, mendakwa isu berkaitan tanah Orang Asli sudah berlarutan sejak 2000.

Katanya, pada awalnya ia membabitkan tanaman kebun mereka yang terdiri daripada buah-buahan seperti durian.

“Sekitar tahun 2000 kebun kami dimusnahkan untuk pembukaan tanah dan tanaman sayuran.

“Namun, masalah ini semakin berlarutan dan penempatan kami semakin terhimpit dengan kebun sayur.

“Masalah utama ada empat perkara iaitu tanah, kubur, kawasan tadahan air dan penempatan.

“Jadi empat perkara ini kerajaan negeri kena ambil peka mengenai apa kami hadapi selama ini. Sehingga sekarang tak selesai masalah yang kita mohon dahulu,” katanya ketika di temui di Pos Brooke, di sini.

Penghulu Kampung Jekjok, Jubir Sekmo, berkata masalah itu membabitkan 18 kampung Orang Asli antaranya, Kam-

pung Jedip, Kampung Sengsang, Kampung Sungai Dekong dan Kampung Sangawai.

“Perkampungan kami kini juga berhadapan risiko tanah runtuh apabila pembukaan tanah berlaku di kawasan berbukit, banyak tanah yang jatuh di kawasan perkampungan.

“Permohonan untuk mewarkan tanah ini sudah dihantar kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sejak 6 Oktober 2020, namun sehingga kini tidak menerima maklum balas.

“Orang Asli sekitar Lojing ini, tidak ada satu pun tanah yang diiktiraf kerajaan negeri. Saya nak minta perhatian dari kerajaan negeri supaya buka mata dan dengar keluhan kami yang menghadapi bermacam risiko terutamanya bencana alam, tadahan air dan tanaman dimusnahkan,” katanya.

## Penduduk tak terima notis

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Pos Brooke, Murad Mat, berkata penduduk tidak menerima notis awal setiap kali ada pembukaan tanah di kawasan berhampiran perkampungan mereka.

“Apabila projek diluluskan barulah kami diberitahu ada projek akan dilaksanakan di sekitar penempatan kami. Jadi macam mana kami nak bersedia membangkang atau membantah kerana sudah diluluskan.

“Kami harap kerajaan negeri dapat waktakan sempadan tanah Orang Asli dengan syarikat-syarikat ini supaya kehidupan kami yang akan datang terjamin sehingga ke anak cucu,” katanya.



Jubir menunjukkan kawasan kebun sayur di atas bukit berhampiran Kampung Orang Asli suku kaum Temiar. (Foto Paya Linda Yahya/BH)